

Pemimpin komponen BN sokong PM

20 MAY 2002
SARANAN Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, supaya parti komponen Barisan Nasional (BN) menyelesaikan masalah yang dihadapi masyarakat masing-masing dialu-alukan oleh pemimpin parti komponen BN.

Presiden Gerakan, Datuk Seri Dr Lim Keng Yaik, berkata teguran Dr Mahathir menunjukkan semangat setiakawan di kalangan komponen BN untuk memastikan kesinambungan perpaduan dalam BN berkekalan.

"Ucapan beliau menunjukkan keinginannya untuk melihat BN yang lebih kukuh dan sifat prihatin terhadap masyarakat berbilang kaum di negara ini.

"Kebanyakan masalah sesuatu kaum dalam komponen BN wajar diselesaikan segera supaya tidak diperalatkan pihak pembangkang untuk mem-

cah belahkan perpaduan serta persefahaman dalam BN," katanya.

Lim juga mengingatkan anggota parti komponen supaya jangan terdedah kepada pengaruh dakyah pembangkang, sebaliknya mereka harus merangka strategi tersendiri bagi menangkis tohmah

yang disebar oleh mereka.

Beliau turut menekankan kepentingan anggota BN mengelakkan perbuatan melompat parti kerana ia hanya melemahkan rangkaian perhubungan di kalangan parti komponen.

Setiausaha Agung Umno, Tan Sri Khalil Yaa-

kob pula berkata ucapan perasmian Dr Mahathir banyak berkisar mengenai kepentingan perpaduan di kalangan parti komponen BN.

"Perlu ada usaha bersepadu bagi mengeratkan perhubungan antara parti dan di kalangan parti komponen sendiri bagi memastikan kewujudan satu persefahaman dalam semua aspek.

"Sebarang rasa tidak puas hati atau masalah boleh diketengahkan menggunakan saluran yang betul seperti mesyuarat jemaah menteri atau mesyuarat jawatan kuasa atau majlis tertinggi parti masing-masing," katanya.

Tambah beliau, Dr Mahathir boleh dihubungi mana-mana pemimpin parti komponen bila-bila masa bagi membincangkan masalah berhubung parti atau masyarakat yang

mereka wakili.

Presiden Parti Progresif Penduduk Malaysia (PPP), Datuk M Kayveas, berkata nasihat Perdana Menteri perlu dipatuhi semua pihak, terutama jika berkaitan isu sensitif seperti sistem meritokrasi bagi memasuki pelajar ke institusi pengajian tinggi awam (IPTA) dan masalah lompat parti.

"Sebagai negara yang bermasyarakat majmuk, semua pihak perlu bertolak ansur apabila menyelesaikan isu seumpama ini kerana ia mampu menjayakan atau merenggangkan hubungan antara kaum," katanya.

Sementara itu, Setiausaha Agung Kesatuan Perguruan Kebangsaan (NUTP), Datuk N Siva Subramaniam, berkata beliau yakin isu meritokrasi dapat diselesaikan dalam masa terdekat berikutan kesediaan Dr Mahathir campur tangan.